

Submission date: 30.07.2026 Accepted date: 12/08/2026 Published date: 01/09/2026

**Perawi Mubham dalam *Abwāb al-Sunnah* Sunan Ibn
Mājah: Tinjauan terhadap Tradisi Ilmu Hadith.
(*Mubham Narrators in the Abwāb al-Sunnah of Sunan Ibn
Mājah: A Review of the Hadith Scholarly Tradition*)**

**Mohd Nasyran Muhammad Rashid* & Roshimah Shamsudin
Universiti Sains Malaysia**

***Corresponding author: nasyran@student.usm.my**

Abstrak

Kajian ini membincangkan perawi mubham dalam tradisi ilmu hadith dengan memberi tumpuan kepada *Abwāb al-Sunnah* dalam Sunan Ibn Mājah. Perawi mubham merujuk kepada individu dalam rangkaian periwayatan yang identitinya tidak dinyatakan secara jelas, sekali gus menimbulkan kesukaran dalam menentukan 'adālah perawi dan status sesuatu riwayat. Kajian ini bertujuan meneliti bentuk-bentuk ibhām serta pendekatan pengenaltastian perawi mubham berdasarkan tradisi ilmu hadith. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis dokumen dan kaedah istiqrā' terhadap keseluruhan riwayat dalam *Abwāb al-Sunnah*. Hasil kajian menemukan 64 kemunculan lafaz mubham dalam 51 hadith daripada keseluruhan 267 riwayat. Bentuk ibhām yang dikenal pasti meliputi sandaran kepada bapa, datuk dan lafaz umum, dengan 'an abīhi sebagai bentuk paling dominan. Dari sudut ṭabaqah, perawi mubham merangkumi sahabat, tabi'īn, tābi'ū al-tābi'īn dan generasi selepas mereka. Dapatan turut menunjukkan bahawa ibhām tidak semestinya bersifat mutlak kerana sebahagian lafaz mengandungi qarīnah nasab yang membantu proses ta'yīn. Kajian menyimpulkan bahawa pengenaltastian perawi mubham memerlukan analisis sistematik melalui perbandingan jalur periwayatan, hubungan nasab, ṭabaqah, jaringan guru dan murid serta

sumber rijāl, sekali gus memperlihatkan ketelitian metodologi sarjana hadith dalam menilai identiti perawi dan kedudukan sanad.

Kata Kunci: Perawi *mubham*, *Abwāb al-Sunnah*, *Sunan Ibn Mājah*, tradisi ilmu hadith, *ta'yīn*.

Abstract

This study examines mubham narrators within the tradition of hadith scholarship, focusing on the *Abwāb al-Sunnah* in *Sunan Ibn Mājah*. A mubham narrator is one whose identity is not explicitly stated in the chain of transmission, complicating the assessment of the narrator's 'adālah and the status of a particular narration. This study aims to examine the forms of *ibhām* and the approaches used to identify mubham narrators within the tradition of hadith scholarship. A qualitative approach is employed through document analysis and the *istiqrā'* method, covering all narrations in the *Abwāb al-Sunnah*. The findings identify 64 occurrences of mubham expressions in 51 hadiths out of a total of 267 narrations. The forms of *ibhām* identified include references to a father, grandfather, and general expressions, with 'an *abīhi* the most dominant form. In terms of *ṭabaqah*, mubham narrators are found among the Companions, *tābi'īn*, *tābi'ū al-tābi'īn*, and subsequent generations. The findings further demonstrate that *ibhām* is not necessarily absolute, as some expressions contain genealogical *qarīnah* that facilitates the process of *ta'yīn*. The study concludes that identifying mubham narrators requires systematic analysis through comparison of transmission routes, genealogical relationships, *ṭabaqah*, teacher–student networks, and *rijāl* sources, thereby demonstrating the methodological rigor of hadith scholars in evaluating narrator identity and the status of the *isnād*.

Keywords: *Mubham* narrators, *Abwāb al-Sunnah*, *Sunan Ibn Mājah*, hadith scholarly tradition, *ta'yīn*.

Pendahuluan

Hadith merupakan sumber utama dalam tradisi keilmuan Islam yang berperanan menjelaskan, menghuraikan dan memperincikan ajaran yang terkandung dalam al-Quran. Kedudukan hadith sebagai sumber rujukan utama mendorong para sarjana hadith untuk membangunkan sistem penelitian yang lebih sistematik. Ia bertujuan untuk memastikan sesuatu riwayat dapat disandarkan kepada Rasulullah SAW dengan penuh tanggungjawab. Antara aspek utama dalam sistem tersebut ialah penelitian terhadap sanad yang menghubungkan sesuatu riwayat melalui rangkaian perawi sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Penelitian sanad bukan sekadar memastikan kesinambungan periwayatan bahkan turut melibatkan pengenalanpastian identiti perawi, hubungan guru dan murid, kedudukan *ṭabaqah* serta penilaian terhadap sifat *‘adālah* dan *ḍabt*. Keperluan ini kemudiannya melahirkan pelbagai disiplin sokongan seperti *rijāl al-ḥadīth*, *al-jarḥ wa al-ta’dīl*, *al-ṭabaqāt* dan ilmu *al-mubhamāt* (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986).

Salah satu isu yang dihadapi dalam penelitian sanad ialah kewujudan perawi yang tidak dinyatakan namanya secara jelas. Dalam disiplin ilmu hadith, individu seperti ini lazimnya disebut sebagai perawi *mubham*. Bentuk *ibhām* boleh muncul melalui lafaz umum seperti *rajul*, atau melalui sandaran kekeluargaan seperti *‘an abīhi*, *‘an jaddihi* dan *ḥaddathanī abī*. Lafaz *‘an rajul* misalnya, memberikan maklumat yang sangat umum, sedangkan *‘an abīhi* atau *‘an jaddihi* masih mengandungi petunjuk nasab yang boleh digunakan dalam proses pengenalanpastian. Oleh itu, ketiadaan nama dalam penulisan tidak semestinya bererti ketiadaan semua maklumat tentang identiti seseorang perawi (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986; Ibn Kathīr, n.d.). Penelitian terhadap *Abwāb al-Sunnah* menunjukkan bahawa bentuk *ibhām* dalam sanad muncul melalui pelbagai bentuk seperti sandaran kepada bapa, datuk dan penyebutan individu secara umum.

Tradisi keilmuan hadith telah memberikan perhatian khusus terhadap persoalan ini. Perhatian ini melahirkan karya khusus seperti *al-Asmā’ al-Mubhamah fī al-Anbā’ al-Muḥkamah* oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī (w. 463H) dan *Ghawāmiḍ al-Asmā’ al-Mubhamah al-Wāqī‘ah fī Mutūn al-Aḥādīth al-Musnadah* oleh Ibn Bashkuwāl (w. 578H) (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1997; Ibn Bashkuwāl, 1986). Selain itu, Ibn al-Ṣalāḥ (w. 577H) juga memasukkan pengetahuan tentang individu *mubham* sebagai salah

satu cabang penting dalam *‘ulūm al-ḥadīth* (Ibn al-Ṣalāh, 1986). Sarjana hadith selepasnya seperti Ibn Kathīr (w. 774H), al-‘Irāqī (w. 806H) dan Ibn Hajar (w. 852H) turut membincangkan kedudukan serta kesan perawi *mubham* terhadap penelitian riwayat (Al-‘Irāqī, 1969; Ibn Kathīr, n.d.; Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2000). Kemunculan karya-karya ini menunjukkan bahawa pengenalpastian individu *mubham* merupakan sebahagian daripada tradisi kritik matan dan sanad hadith.

Proses mengenal pasti identiti perawi *mubham* dikenali sebagai *ta’yīn*. Proses ini tidak terbatas kepada pencarian nama dalam kitab *rijāl* sahaja. Ia juga melibatkan pengumpulan dan penilaian pelbagai bentuk *qarīnah*. Antaranya ialah nama yang dinyatakan secara langsung dalam jalur riwayat lain, pengumpulan jalur periwayatan (*jam‘ al-ṭuruq*), hubungan nasab, jaringan guru dan murid, kedudukan *ṭabaqah*, kronologi kehidupan, kemungkinan pertemuan serta kesesuaian geografi periwayatan (Dzulraidi et al., 2024). Dalam keadaan tertentu, maklumat yang terkandung dalam matan juga boleh berfungsi sebagai petunjuk tambahan. Dengan itu, proses *ta’yīn* merupakan satu bentuk analisis kumulatif yang menuntut pengkaji menggabungkan beberapa *qarīnah* sebelum menentukan identiti yang paling berkemungkinan benar.

Abwāb al-Sunnah dalam *Sunan Ibn Mājah* merupakan medan yang sesuai untuk meneliti metodologi tersebut. Bahagian ini menghimpunkan riwayat berkaitan autoriti sunnah, adab periwayatan, larangan berdusta atas nama Rasulullah SAW, persoalan akidah, kedudukan sahabat dan kelebihan ilmu (Ibn Mājah, 2009). Kepelbagaian struktur sanad di dalam *Abwāb al-Sunnah* turut memperlihatkan pelbagai bentuk *ibhām* yang memerlukan pendekatan pengenalpastian yang berbeza. Hal ini menunjukkan bahawa penelitian terhadap perawi *mubham* tidak boleh dilakukan secara umum tanpa mengambil kira bentuk lafaz, kedudukan perawi dalam sanad dan kekuatan *qarīnah* yang mengiringinya.

Sehubungan itu, kajian ini menumpukan kepada tiga aspek utama. Pertama, menjelaskan konsep perawi *mubham* serta membezakannya daripada istilah lain yang hampir seperti *majhūl* dan *muhmal*. Kedua, menghuraikan kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti perawi *mubham* dalam sanad *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah* dan menganalisis bentuk-bentuk lafaz yang digunakan. Ketiga, meneliti

kedudukan *ṭabaqah* perawi *mubham* bagi menunjukkan bahawa kesan *ibhām* tidak boleh dinilai secara pukal antara sahabat dan generasi selepas mereka. Dengan pendekatan ini, kajian membina asas yang lebih tersusun bagi memahami fenomena *ibhām* dalam sanad sebelum penelitian dilanjutkan kepada proses *ta'yīn*, *tarjīh* dan penilaian kesannya terhadap status sesuatu riwayat.

Konsep Perawi *Mubham* dalam Tradisi Ilmu Hadith.

Perkataan *mubham* berasal daripada kata kerja Arab *abhama* yang membawa pengertian menjadikan sesuatu perkara samar, tertutup atau sukar dikenal pasti. Dari sudut bahasa, sesuatu yang *mubham* merujuk kepada perkara yang tidak jelas sehingga sukar ditanggapi oleh pancaindera atau difahami oleh akal. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* menjelaskan bahawa perkataan *mubham* bagi sesuatu percakapan merujuk kepada ungkapan yang samar sehingga maksud khususnya tidak dapat ditentukan (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah bi al-Qāhirah, 1972; Ibn Fāris, 1969). Berdasarkan pengertian ini, konsep *ibhām* dalam ilmu hadith pada dasarnya merujuk kepada keadaan apabila identiti seseorang yang disebut dalam sesuatu riwayat tidak dinyatakan secara jelas atau tidak mempunyai tanda pengenalan yang mencukupi untuk menentukannya secara langsung.

Dari sudut istilah ilmu hadith, Ibn al-Ṣalāḥ menjelaskan bahawa *ma'rifat al-mubhamāt* ialah salah satu cabang khusus dalam ilmu hadith yang melibatkan proses mengenalpastian nama *rajulun* atau *imra'atun* yang disebut secara samar dalam sanad atau matan (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986). Ia sepadan dengan kenyataan al-Khaṭīb al-Baghdādī dalam *al-Asmā' al-Mubhamah fī al-Anbā' al-Muḥkamah* yang menegaskan bahawa karya itu menghimpunkan individu daripada kalangan lelaki dan wanita yang disebut dalam riwayat secara *ibhām* tanpa dinyatakan nama mereka dengan jelas (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1997). Sarjana *mu'aṣṣirīn* seperti Maḥmūd al-Taḥḥān pula menjelaskan bahawa *al-mubham* ialah seseorang yang namanya tidak disebut dengan jelas sama ada dalam sanad mahupun matan (Al-Taḥḥān, 2004). Berdasarkan pengertian tersebut, perawi *mubham* dapat dirumuskan sebagai individu yang berada dalam rangkaian periwayatan, tetapi namanya tidak dinyatakan secara khusus.

Bentuk *ibhām* dalam sanad boleh muncul dengan lafaz umum seperti *rajul*, *shaykh*, *fulān* dan *ba‘duhum* (Dzulraidi et al., 2024). Ia juga boleh muncul dalam bentuk sandaran nasab seperti ‘*an abīhi*, ‘*an ummihi* atau ‘*an ‘ammihi* (Ibn Kathīr, n.d.). Hal ini memberi gambaran bahawa tahap kekaburan setiap bentuk tidak semestinya sama antara satu dengan yang lain. Lafaz ‘*an rajul* tidak memberikan petunjuk tentang identiti seseorang sedangkan ‘*an abīhi* memberi petunjuk hubungan nasab yang boleh membantu dalam proses pengenalanpastian perawi *mubham*.

Selain *ibhām* dalam sanad, konsep perawi *mubham* perlu dibezakan daripada *ibhām* yang berlaku dalam matan. *Ibhām* pada sanad melibatkan individu yang berfungsi sebagai penghubung dalam rangkaian periwayatan. *Ibhām* pada matan pula melibatkan individu yang disebut sebagai watak atau pihak yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa dalam matan hadith. Perbezaan ini penting kerana *ibhām* dalam sanad mempunyai hubungan langsung dengan proses penilaian perawi. Selagi identiti seorang perawi tidak diketahui, sifat ‘*adālah* dan ‘*ḍabt* perawi tidak dapat ditentukan dengan sempurna. Al-Sakhāwī (w. 902H) menjelaskan bahawa perawi yang tidak diketahui identitinya menimbulkan masalah dalam penerimaan riwayat. Hal ini demikian kerana syarat penerimaan sesuatu khabar berkait dengan pengetahuan terhadap ‘*adālah* perawinya (Al-Sakhāwī, 2003).

Perawi *mubham* juga berbeza dengan perawi *majhūl* atau *muhmal*. Perawi *mubham* melibatkan masalah asas seperti nama dan identitinya yang belum dinyatakan dengan jelas. Perawi *majhūl* pula pada asasnya telah mempunyai nama atau identiti tertentu. Namun, maklumat mengenainya tidak mencukupi untuk menilai kedudukannya (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1938). Perawi *majhūl al-‘ayn*, misalnya, diketahui namanya, tetapi hanya seorang perawi yang meriwayatkan daripadanya (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2000). Perawi *majhūl al-ḥāl* pula identitinya tidak diketahui, tetapi keadaan ‘*adālah* atau ‘*ḍabt* perawinya belum dapat dipastikan secukupnya (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2000).

Perawi *muhmal* pula merujuk kepada keadaan apabila nama seseorang disebut tetapi tidak disertakan unsur pembeza yang mencukupi, sedangkan terdapat dua atau lebih perawi yang mempunyai nama atau nisbah yang sama (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2000). Dengan demikian, dapat difahami

bahawa *mubham* berkaitan dengan ketidakjelasan siapakah individu yang dimaksudkan, *majhūl* berkaitan dengan ketidakcukupan maklumat tentang keadaan individu yang telah diketahui, manakala *muhmal* berkaitan dengan kesukaran menentukan individu manakah antara beberapa perawi yang mempunyai nama yang sama.

Kedudukan perbincangan ini menjadikan proses *ta'yīn* penting dalam penelitian perawi *mubham*. *Ta'yīn* bertujuan mengangkat *ibhām* dengan mengenal pasti individu yang dimaksudkan melalui riwayat lain, perbandingan jalur sanad, hubungan nasab, jaringan guru dan murid, *ṭabaqah* serta maklumat yang terkandung dalam kitab *rijāl* (Ibn Bashkuwāl, 1997). Apabila identiti perawi *mubham* dapat dikenal pasti, penilaian tidak lagi dibuat berdasarkan lafaz *mubham* semata-mata, sebaliknya beralih kepada kedudukan sebenar perawi tersebut dalam disiplin *al-jarḥ wa al-ta'dīl*. Perawi *mubham* yang dapat dikenal pasti boleh terdiri daripada seseorang yang *thiqah*, *ḍa'īf* atau *majhūl*. Maka *ta'yīn* bergantung kepada hasilnya sebagai penentu *taqwiyah* sesuatu hadith. Identiti perawi *mubham* yang dapat dikenal pasti tidak menguatkan hadith secara mutlak, tetapi menjelaskan kekuatan atau kelemahan sesebuah hadith.

Konsep perawi *mubham* juga perlu memberi perhatian kepada *ibhām* dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana sahabat baginda SAW mempunyai kedudukan yang berbeza daripada perawi selain mereka. Sekiranya terbukti bahawa individu *mubham* dalam sanad ialah seorang sahabat, *mubham* itu tidak menjejaskan sanad dari sudut *'adālah* perawi kerana *jumhūr* sarjana hadith menerima periwayatan mereka secara mutlak (Ibn Hajar al-'Asqalānī, 1994). Sebaliknya, bagi perawi selepas generasi sahabat, identiti merupakan unsur penting bagi membolehkan penelitian terhadap *'adālah* dan *ḍabt* dilakukan.

Justeru, konsep perawi *mubham* tidak boleh difahami sekadar sebagai perawi yang namanya tidak dinyatakan. Namun, ia perlu difahami sebagai suatu bentuk ketidakjelasan identiti yang memerlukan penelitian lanjut sebelum kesannya terhadap sesuatu riwayat dapat ditentukan. Pengenalpastian terhadap perawi *mubham* merupakan sebahagian daripada ketelitian metodologi sarjana hadith. Ia bertujuan untuk

memastikan setiap perawi dalam jaringan periwayatan dapat dinilai berdasarkan bukti yang telah direkodkan (al-Sakhāwī, 2003).

Latar Belakang *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah*.

Sunan Ibn Mājah merupakan karya hadith yang disusun oleh Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd Ibn Mājah al-Qazwīnī (w. 273H). Ia menjadi salah satu karya utama dalam tradisi *tadwīn al-hadīth*. Berdasarkan edisi *tahqīq* oleh Shu‘ayb al-Arnā‘ūt dan rakan-rakan. Kitab ini mengandungi 4,341 hadith yang disusun dalam 32 kitab utama (Ibn Mājah, 2009). Berbeza daripada kebanyakan bahagian selepasnya yang disusun berdasarkan tema hukum dan ibadat, Ibn Mājah memulakan karyanya dengan *Abwāb al-Sunnah*. Ia merupakan himpunan bab yang membicarakan asas penerimaan sunnah, pemeliharaan periwayatan, persoalan akidah, kedudukan generasi awal Islam dan kelebihan ilmu. Kedudukan ini menjadikan *Abwāb al-Sunnah* sebagai bahagian pengantar yang penting sebelum pembaca memasuki perbahasan fiqh yang lebih luas dalam *Sunan Ibn Mājah*.

Dalam edisi Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah tahun 2009, *Abwāb al-Sunnah* merangkumi 24 bab yang bermula dengan *Bāb Ittibā‘ Sunnah Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘Alayhi wa Sallam* dan berakhir dengan *Bāb Man Su‘ila ‘an ‘Ilm fa Katamahu*. Keseluruhan bahagian ini berada dalam jilid pertama, halaman 3 hingga 178. Dari sudut penomboran, hadith dalam bahagian tersebut bermula dengan hadith pertama dan berakhir pada hadith nombor 266. Namun demikian, edisi *tahqīq* ini memasukkan satu riwayat tambahan yang dinomborkan sebagai hadith 231(μ). Ia menjadikan jumlah sebenar riwayat dalam *Abwāb al-Sunnah* sebanyak 267 hadith. Riwayat tambahan tersebut diambil daripada naskhah Dār al-Kutub al-Miṣriyyah dalam Khizānah al-Taymūriyyah dan tidak terdapat dalam manuskrip lain yang digunakan oleh para penyemak dan penyunting kitab (Ibn Mājah, 2009).

Edisi ini dibangunkan berdasarkan perbandingan beberapa manuskrip utama. Antaranya ialah manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Süleymaniye, Istanbul yang ditandai dengan huruf *sīn* (س), naskhah bergambar daripada manuskrip Dār al-Kutub al-Miṣriyyah yang ditandai dengan huruf *mīm* (م), serta naskhah daripada Perpustakaan Paris yang

salinannya turut terdapat di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Islam Raja Faisal di Riyadh dan ditandai dengan huruf *dhāl* (ذ) (Ibn Mājah, 2009). Penggunaan manuskrip tersebut penting kerana perbezaan antara naskhah boleh memberikan kesan terhadap kewujudan, susunan dan pembacaan sesuatu riwayat.

Dari sudut kandungan, susunan *Abwāb al-Sunnah* memperlihatkan beberapa kelompok tema utama. Bahagian awal menekankan kewajipan mengikuti sunnah Rasulullah SAW, penghormatan terhadap hadith, sikap berhati-hati dalam periwayatan, serta ancaman terhadap orang yang berdusta atas nama Rasulullah SAW. Perbincangan kemudian beralih kepada kewajipan mengikuti sunnah *Khulafā' al-Rāshidīn*, larangan terhadap *bid'ah* dan perdebatan, persoalan iman dan qadar, kelebihan para sahabat serta perbincangan mengenai beberapa kelompok teologi. Bahagian akhirnya pula memberikan perhatian kepada kelebihan ilmu, pembelajaran al-Quran, kedudukan ulama, penyampaian ilmu dan larangan menyembunyikannya (Ibn Mājah, 2009).

Susunan sedemikian menunjukkan bahawa *Abwāb al-Sunnah* berfungsi sebagai suatu mukadimah ilmiah yang membentuk asas cabang ilmu sebelum Ibn Mājah memasuki bab-bab hukum. Pendekatan ini selari dengan kepelbagaian *manhāj* penyusun kitab-kitab *sunan* lain yang sebahagiannya memperlihatkan prinsip dan orientasi karya melalui susunan bab serta pemilihan hadith (Al-'Umri, 2000).

Justeru, kedudukan *Abwāb al-Sunnah* pada bahagian awal *Sunan Ibn Mājah*, kepelbagaian tema dan struktur sanad yang terkandung di dalamnya menjadikannya bahan ilmiah yang sesuai untuk penelitian terhadap perawi *mubham*. Hal ini demikian kerana analisis terhadap identiti perawi memerlukan teks yang mempunyai jaringan sanad yang pelbagai serta memungkinkan penggunaan perbandingan riwayat, hubungan nasab dan sumber *rijāl* dalam proses *ta'yīn*.

Kriteria Pengenalpastian Perawi *Mubham* dalam *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah*

Pengenalpastian perawi *mubham* merupakan peringkat awal yang perlu dibezakan daripada proses *ta'yīn*. Pengenalpastian bertujuan menentukan

sama ada sesuatu lafaz dalam sanad benar-benar mengandungi unsur *ibhām*, manakala *ta'yīn* ialah proses lanjutan untuk menentukan identiti sebenar individu yang disebut secara samar. Perbezaan ini penting kerana seseorang perawi tetap dikategorikan sebagai *mubham* berdasarkan bentuk asal sanad yang dikemukakan oleh periwayat atau penyusun kitab walaupun identitinya dapat diketahui melalui riwayat lain atau sumber *rijāl* kemudian.

Berdasarkan prinsip tersebut, penelitian terhadap *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah* dimulakan dengan kaedah *istiqrā'* iaitu meneliti keseluruhan riwayat dalam ruang kajian bagi mengesan setiap lafaz *mubham*. Pada peringkat saringan, keseluruhan teks riwayat diperhatikan bagi membezakan *ibhām* yang berlaku dalam sanad dengan individu *mubham* yang hanya disebut sebagai watak dalam matan. Namun, bagi tujuan pengelasan perawi *mubham*, hanya individu yang mempunyai fungsi periwayatan dalam rangkaian sanad dimasukkan sebagai data utama. Pemisahan ini diperlukan kerana *ibhām* dalam matan lebih berkaitan dengan pengenalan tokoh atau konteks sesuatu peristiwa, sedangkan *ibhām* dalam sanad mempunyai hubungan langsung dengan penelitian identiti dan kedudukan seseorang perawi (Al-Suyūṭī, n.d.; Ibn al-Ṣalāḥ, 1986).

Sehubungan itu, tiga kriteria asas digunakan dalam mengenal pasti perawi *mubham*. Pertama, lafaz berkenaan perlu merujuk kepada seorang individu yang berkedudukan sebagai perawi dalam sanad. Individu tersebut perlu menjadi salah satu mata rantai penyampaian riwayat dan bukan sekadar seseorang yang disebut dalam kandungan matan. Hubungan ini lazimnya dikenal pasti melalui *ṣīghah al-adā'*, iaitu lafaz penyampaian riwayat seperti *'an* dan *ḥaddathanī*.

Kedua, nama atau identiti perawi tersebut tidak dinyatakan dengan jelas dalam teks sanad yang menjadi objek penelitian. Bentuk ini merangkumi lafaz umum seperti *rajul* dan *rajul ākhar*, serta sandaran kekeluargaan seperti *'an abīhi*, *'an abī*, *ḥaddathanī abī*, *'an jaddihi* dan *'an jaddī*. Ibn Kathīr turut memasukkan bentuk seperti *'an abīhi*, *'ammīhi* dan *ummīhi* dalam perbincangan individu *mubham* yang memerlukan pengenalan (Ibn Kathīr, n.d.). Oleh itu, *ibhām* tidak hanya berlaku melalui lafaz umum yang tidak memberikan petunjuk identiti secara langsung. Sandaran nasab

juga dikategorikan sebagai *ibhām* apabila nama individu yang dimaksudkan tidak disebut secara langsung walaupun lafaz tersebut menyediakan *qarīnah* awal untuk mengenal pastinya.

Ketiga, lafaz tersebut mesti mempunyai hubungan langsung dengan proses periwayatan. Sebagai contoh, lafaz ‘*an* Mu‘āwiyah ibn Qurrah, ‘*an abīhi*’ menunjukkan bahawa *abīhi* ialah individu yang menyampaikan riwayat kepada perawi sebelumnya (Ibn Mājah, 2009). Begitu juga lafaz *ḥaddathanī abī* memperlihatkan hubungan penerimaan secara langsung, tetapi identiti *abī* itu masih belum dinyatakan dengan namanya. Dengan demikian, kejelasan nasab dalam riwayat tidak semestinya menghilangkan *ibhām* pada identiti perawi.

Penetapan sesuatu lafaz sebagai *mubham* juga tidak bermaksud status perawi menjadi *majhūl* atau riwayat darinya dinilai sebagai *ḍa‘īf*. Pada peringkat ini, kriteria pengenalpastian hanya menentukan kewujudan *ibhām* dalam bentuk asal sanad. Identiti, *ṭabaqah* dan kedudukan perawi dari sudut *al-jarḥ wa al-ta‘dīl* hanya ditentukan pada peringkat *ta‘yīn* melalui perbandingan jalur, hubungan nasab, maklumat guru dan murid serta sumber *rijāl* (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986; Al-Suyūṭī, n.d.). Justeru, kriteria yang jelas membolehkan proses analisis bergerak secara sistematik daripada pengesanan *ibhām* kepada pengenalpastian identiti tanpa meletak kedudukan status perawi berdasarkan bentuk lafaz yang digunakan dalam hadith.

Lafaz *Mubham* dalam *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah*

Berdasarkan penelitian terhadap keseluruhan riwayat dalam *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah*, lafaz yang mengandungi unsur *ibhām* tidak hadir dalam bentuk yang seragam. Sebaliknya, ia muncul dalam pelbagai bentuk penamaan yang tidak menyatakan identiti seseorang secara langsung. Ia datang sama ada melalui sandaran kekeluargaan mahupun penggunaan lafaz umum. Kepelbagaian ini selaras dengan perbincangan sarjana ilmu hadith yang memasukkan ungkapan seperti *rajul*, ‘*an abīhi*’, ‘*an ‘ammīhi*’ dan bentuk seumpamanya dalam ruang penelitian *al-mubhamāt* kerana nama individu yang dimaksudkan masih belum dinyatakan dengan jelas dan terang (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986; Ibn Kathīr, n.d.).

Kajian mendapati sebanyak 64 kemunculan lafaz *mubham* dalam 51 buah hadith daripada keseluruhan 267 hadith dalam *Abwāb al-Sunnah*. Perbezaan antara jumlah hadith dengan jumlah kemunculan berlaku kerana sesebuah riwayat boleh mengandungi lebih daripada satu unsur *ibhām*. Lafaz-lafaz bagi perawi *mubham* yang dikenal pasti iaitu ‘*an abīhi*, ‘*an jaddihi*, *ḥaddathanī abī*, ‘*an abī*, *anna rajulan min al-Anṣār*, ‘*an jaddī*, *rajulan*, *rajulun a’rābiyyun* dan ‘*an rajul ākhar*. Dalam beberapa sanad, terdapat gabungan sandaran kepada bapa dan datuk, manakala dalam sanad yang lain berlaku pengulangan bentuk ‘*an abīhi* pada lebih daripada satu *ṭabaqah* dalam rangkaian periwayatan. Misalnya, lafaz *mubham* ‘*an abīhi* dan ‘*an jaddihi* dapat dilihat dalam *Abwāb al-Sunnah* hadith bernombor 85 seperti yang berikut:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ، حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، حَدَّثَنَا دَاوُدُ بْنُ أَبِي هِنْدٍ،
عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ
- صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَلَى أَصْحَابِهِ وَهُمْ يَخْتَصِمُونَ فِي الْقَدَرِ،
فَكَأَنَّمَا يُفْقَأُ فِي وَجْهِهِ حَبُّ الزُّرْمَانِ مِنَ الْغَضَبِ، فَقَالَ: بِهَذَا أُمِرْتُ،
أَوْ لِهَذَا خُلِقْتُمْ؟ تَضْرِبُونَ الْقُرْآنَ بَعْضُهُ بِبَعْضٍ، بِهَذَا هَلَكَتِ الْأُمَمُ
قَبْلَكُمْ. قَالَ: فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو: مَا عَبَّطْتُ نَفْسِي بِمَجْلِسٍ
تَخَلَّفْتُ فِيهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - مَا عَبَّطْتُ
نَفْسِي بِذَلِكَ الْمَجْلِسِ وَتَخَلَّفِي عَنْهُ.

Terjemahan: Ḥaddathanā ‘Alī ibn Muḥammad, ḥaddathanā Abū Mu‘āwiyah, ḥaddathanā Dāwud ibn Abī Hind, ‘an ‘Amr ibn Shu‘ayb, ‘an abīhi, ‘an jaddihi. berkata: Rasulullah SAW keluar menemui para sahabat Baginda ketika mereka sedang bertengkar tentang qadar. Seolah-olah biji delima pecah di wajah Baginda kerana marah. Baginda bersabda: Adakah dengan perkara ini kamu diperintahkan, atau untuk perkara ini kamu diciptakan? Kamu mempertembungkan sebahagian al-Quran dengan sebahagian yang lain. Dengan sebab inilah umat-umat sebelum kamu binasa. Perawi berkata:

Maka ‘Abd Allāh bin ‘Amr berkata: Aku tidak pernah berasa gembira kerana tertinggal daripada sesuatu majlis bersama Rasulullah SAW sebagaimana aku berasa gembira kerana tertinggal daripada majlis itu. (Ibn Mājah, 2009)

Oleh itu, unit analisis bagi perawi *mubham* tidak ditentukan daripada jumlah bilangan hadith. Namun, ia dianalisis pada setiap kemunculan lafaz *mubham* yang terdapat dalam suatu riwayat.

Dari sudut struktur penulisan *Abwāb al-Sunnah*, lafaz-lafaz tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bentuk utama. Pertama ialah sandaran menggunakan kata ganti yang kembali kepada perawi sebelumnya, seperti ‘*an abīhi* (عن أبيه) dan ‘*an jaddihi* (عن جده). Kedua ialah sandaran kepada diri perawi yang sedang menyampaikan riwayat, seperti ‘*an abī* (عن أبي), *ḥaddathanī abī* (حدثني أبي), dan ‘*an jaddī* (عن جدي). Ketiga ialah penggunaan lafaz umum yang tidak menyebut nama individu secara khusus, seperti *rajul*, *rajulan*, *anna rajulan min al-Anṣār*, *rajulun a’rābiyyun*, dan ‘*an rajul ākhar*. Pembahagian ini menunjukkan bahawa *ibhām* dalam bahan kajian mempunyai tahap petunjuk identiti yang berbeza-beza (Ibn Mājah, 2009).

Kajian mendapati bahawa lafaz bagi perawi *mubham* yang paling banyak digunakan ialah lafaz ‘*an abīhi*. Ia direkodkan sebanyak 44 kali. Sekiranya jumlah keseluruhan 64 kemunculan digunakan sebagai asas pengiraan, lafaz ini mewakili 68.8 peratus daripada keseluruhan data. Bentuk tersebut menunjukkan bahawa individu yang tidak dinamakan ialah bapa kepada perawi yang disebut sebelumnya dalam sanad. Walaupun nama perawi tidak dinyatakan, penggunaan kata ganti nama yang direkodkan memberi *qarīnah* nasab yang boleh dimanfaatkan dalam proses *ta’yīn*. Oleh itu, ‘*an abīhi* tidak boleh dianggap sebagai *ibhām* yang sama tahap dengan lafaz umum seperti ‘*an rajul*. Hal ini demikian kerana identiti calon perawi masih boleh ditelusuri melalui maklumat keluarga, hubungan guru dan murid serta kitab *rijāl* (Ibn Kathīr, n.d.; al-Mizzī, 1980).

Lafaz ‘*an jaddihi* pula direkodkan sebanyak enam kali dan lafaz *ḥaddathanī abī* juga muncul sebanyak enam kali masing-masing bersamaan kira-kira 9.4 peratus kemunculan. Bentuk ‘*an jaddihi* memerlukan penelitian nasab yang lebih luas kerana perkataan *jaddi* boleh

merujuk kepada hubungan kekeluargaan pada tingkatan yang lebih jauh. *Haddathanī abī* pula mempunyai ciri tersendiri kerana lafaz *ḥaddathanī* merupakan bentuk penyampaian yang menunjukkan pernyataan jelas tentang penerimaan melalui pendengaran yang dikenali sebagai *al-taṣrīḥ bi al-samā'* dalam ilmu hadith (Ibn Hajar al-'Asqalānī, 1959H). Namun, pernyataan yang jelas itu tidak menghilangkan *ibhām* identiti kerana nama *abī* dalam catatan masih tidak disebut. Contoh bentuk ini dapat ditemukan antaranya dalam hadith nombor 46 seperti yang berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عُبَيْدٍ بْنُ مَيْمُونٍ الْمَدِينِيُّ أَبُو عُبَيْدٍ، حَدَّثَنَا أَبِي،
عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ جَعْفَرِ بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ مُوسَى بْنِ عُقْبَةَ، عَنْ أَبِي
إِسْحَاقَ، عَنْ أَبِي الْأَحْوَصِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، أَنَّ رَسُولَ
اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: "إِنَّمَا هُمَا اثْنَتَانِ: الْكَلَامُ،
وَالْهَدْيُ، فَأَحْسَنُ الْكَلَامِ كَلَامُ اللَّهِ، وَأَحْسَنُ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ،
أَلَا وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ شَرَّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ
بِدْعَةٍ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ. أَلَا لَا يَطُولَنَّ عَلَيْكُمْ الْأَمَدُ فَتَنْقَسُوا قُلُوبُكُمْ،
أَلَا إِنَّ مَا هُوَ أَتَى قَرِيبٌ، وَإِنَّمَا الْبَعِيدُ مَا لَيْسَ بِآتٍ. أَلَا إِنَّمَا الشَّقِيُّ
مَنْ شَقِيَ فِي بَطْنِ أُمِّهِ، وَالسَّعِيدُ مَنْ وُعِظَ بِغَيْرِهِ. أَلَا إِنَّ قِتَالَ
الْمُؤْمِنِ كُفْرًا، وَسِبَابُهُ فُسُوقٌ، وَلَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ
ثَلَاثٍ. أَلَا وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ فَإِنَّ الْكَذِبَ لَا يَصْلُحُ بِالْجِدِّ وَلَا بِالْهَزْلِ،
وَلَا يَبْعُدُ الرَّجُلُ صَبِيَّهُ ثُمَّ لَا يَفِي لَهُ، وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ،
وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ
الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّهُ يُقَالُ لِلصَّادِقِ: صَدَقَ وَبَرَّ، وَيُقَالُ
لِلْكَاذِبِ: كَذَبَ وَفَجَرَ، أَلَا وَإِنَّ الْعَبْدَ يَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ
عَزَّ وَجَلَّ كَذَّابًا.

Terjemahan: Ḥaddathanā Muḥammad bin ‘Ubayd bin
Maymūn al-Madanī Abū ‘Ubayd, ḥaddathanā abī, ‘an

Muhammad bin Ja'far bin Abī Kathīr, 'an Mūsā bin 'Uqbah, 'an Abī Ishāq, 'an Abī al-Aḥwas, 'an 'Abd Allāh bin Mas'ūd, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya hanya ada dua perkara utama, iaitu perkataan dan petunjuk. Sebaik-baik perkataan ialah kalam Allah, dan sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk Muhammad. Ketahuilah, jauhilah perkara-perkara baharu yang diada-adakan dalam agama, kerana seburuk-buruk perkara ialah perkara yang diada-adakan. Setiap perkara baharu yang diada-adakan itu ialah bidaah, dan setiap bidaah ialah kesesatan. Ketahuilah, janganlah masa yang panjang menjadikan kamu lalai sehingga hati kamu menjadi keras. Ketahuilah, sesungguhnya apa yang akan datang itu dekat, dan yang benar-benar jauh hanyalah apa yang tidak akan datang. Ketahuilah, sesungguhnya orang yang celaka ialah orang yang telah ditentukan celaka ketika berada dalam perut ibunya, dan orang yang bahagia ialah orang yang mengambil pengajaran daripada keadaan orang lain. Ketahuilah, memerangi seorang mukmin adalah kufur, dan mencelanya adalah kefasikan. Tidak halal bagi seorang Muslim memutuskan hubungan dengan saudaranya lebih daripada tiga hari. Ketahuilah, jauhilah dusta. Sesungguhnya dusta tidak patut dilakukan sama ada dalam keadaan serius mahupun bergurau. Janganlah seseorang berjanji kepada anak kecilnya kemudian dia tidak menunaikannya. Sesungguhnya dusta membawa kepada kejahatan, dan kejahatan membawa ke neraka. Sesungguhnya benar membawa kepada kebaikan, dan kebaikan membawa ke syurga. Sesungguhnya akan dikatakan kepada orang yang benar: Dia telah berkata benar dan berbuat baik. Akan dikatakan pula kepada pendusta: Dia telah berdusta dan melakukan kejahatan. Ketahuilah, sesungguhnya seseorang hamba itu terus berdusta sehingga dia ditulis di sisi Allah 'Azza wa Jalla sebagai seorang pendusta (Ibn Mājah, 2009).

Lafaz *'an abī* pula direkodkan sebanyak dua kali, manakala bentuk-bentuk lain muncul dalam jumlah yang lebih kecil. Secara keseluruhannya,

taburan ini menunjukkan bahawa majoriti *ibhām* dalam *Abwāb al-Sunnah* bersifat *ibhām* berasaskan hubungan nasab. Sebaliknya, lafaz umum seperti *rajul* atau '*an rajul ākhar*' lazimnya memerlukan *qarā'in* tambahan sebelum identiti individu tersebut dapat ditentukan.

Justeru, analisis terhadap lafaz *mubham* tidak seharusnya berhenti pada pengiraan jumlah kemunculan sahaja. Setiap bentuk perlu dinilai berdasarkan struktur lafaz, hubungan nasab, kedudukannya dalam sanad dan jenis maklumat yang masih terkandung di dalamnya. Kepelbagaian bentuk lafaz ini membuktikan bahawa *ibhām* bukan suatu keadaan yang bersifat seragam. Sebahagian lafaz hampir kepada *ibhām* mutlak, manakala sebahagian yang lain masih membawa petunjuk penting untuk proses *ta'yīn*.

Ṭabaqat Perawi Mubham dalam Sanad Abwāb Al-Sunnah

Ṭabaqat merupakan salah satu aspek penting dalam penelitian perawi *mubham* kerana kesan *ibhām* terhadap sesuatu sanad tidak boleh ditentukan hanya berdasarkan ketiadaan nama perawi. Hal ini demikian kerana perawi *mubham* yang berada pada *ṭabaqah* sahabat mempunyai kedudukan yang berbeza daripada perawi *mubham* daripada kalangan *tabi'in*, *tābi'ū al-tābi'in* atau generasi selepas mereka. Berdasarkan penelitian terhadap data *Abwāb al-Sunnah*, sebanyak 64 kemunculan lafaz *mubham* dibahagikan kepada empat kelompok *ṭabaqah* iaitu 24 pada *ṭabaqah* sahabat, 24 pada *ṭabaqah tabi'in*, enam pada *ṭabaqah tābi'ū al-tābi'in* dan 10 pada kelompok selain daripada mereka (Ibn Mājah, 2009).

Pengelasan ini mempunyai hubungan dengan pembahagian generasi awal periwayatan hadith. Rasulullah SAW menjelaskan keutamaan generasi berdasarkan hadith yang berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ
كَثِيرٌ، أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ، عَنْ مَنْصُورٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ عَمِيْدَةَ، عَنْ عَبْدِ
اللّٰهِ : أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ : خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يُلُومُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ
يُلُومُهُمْ، ثُمَّ يَجِيءُ قَوْمٌ تَسْبِقُ شَهَادَةُ أَحَدِهِمْ يَمِيْنُهُ، وَيَمِيْنُهُ شَهَادَتُهُ.

Terjemahan: Haddathana Muhammad bin Kathir, akhbarana Sufyan, ‘an Mansur, ‘an Ibrahim, ‘an ‘Ubaidah, ‘an ‘Abdillah. Sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda: Sebaik-baik manusia adalah kurunku. Kemudian kurun selepas daripada mereka dan kemudian kurun selepas daripada mereka (Al-Bukhārī, 2001, Hadith No. 3651).

Walau bagaimanapun, penentuan *ṭabaqah* dalam analisis sanad tidak dibuat berdasarkan urutan generasi semata-mata, tetapi turut mengambil kira hubungan periwayatan, zaman kehidupan dan kedudukan setiap individu dalam rantai sanad.

Ṭabaqah sahabat mempunyai kedudukan khusus dalam perbincangan perawi *mubham*. Jumhūr sarjana hadith menerima prinsip ‘*adālah* para sahabat secara kolektif. Oleh itu, apabila dapat dibuktikan bahawa seseorang perawi *mubham* benar-benar daripada kalangan sahabat, *mubham* tidak menjejaskan sanad dari sudut ‘*adālah* (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986). Namun, prinsip tersebut tidak boleh diterapkan hanya berdasarkan sangkaan. Sesuatu lafaz umum seperti *rajul* tidak boleh terus dihukum sebagai sahabat tanpa *qarīnah* yang membuktikan kedudukannya. Al-‘Irāqī menjelaskan bahawa bentuk yang jelas seperti *rajul min aṣḥāb al-Nabī* menunjukkan bahawa individu tersebut ialah sahabat secara pasti. Lafaz yang tidak mempunyai petunjuk sedemikian masih memerlukan penelitian lanjut (Al-‘Irāqī, 1969; Al-‘Uqlā, 2021).

Perkara ini penting kerana terdapat lafaz seperti *rajul min al-Anṣār* yang seakan-akan disandarkan kepada sahabat. Sebaliknya, nisbah kepada *Anṣār* sahaja tidak semestinya membuktikan bahawa seseorang itu sahabat. Hal ini demikian kerana nisbah tersebut boleh digunakan kepada generasi kemudian daripada keturunan *Anṣār*. Takrif sahabat yang diterima secara meluas mensyaratkan seseorang itu pernah bertemu Rasulullah SAW dalam keadaan beriman kepada Baginda dan meninggal dunia sebagai seorang Muslim (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 2000). Oleh itu, penentuan sesuatu perawi *mubham* sebagai sahabat hendaklah disokong oleh struktur sanad, jalur lain, maklumat kitab *rijāl* atau *qarīnah* sejarah yang berkaitan.

Berbeza dengan *ṭabaqah* sahabat, *ibhām* pada perawi *ṭabiʿin* dan generasi selepas mereka memerlukan perhatian yang lebih besar. Hal ini demikian kerana identiti perawi berkait secara langsung dengan penilaian *ʿadālah* dan *ḍabt* mereka. Sekiranya identiti perawi tidak dapat ditentukan, status *al-jarḥ wa al-taʿdīl* tidak dapat dipastikan. Justeru, 24 kemunculan pada *ṭabaqah ṭabiʿin*, enam pada *tābiʿū al-tābiʿīn* dan 10 pada kelompok selepas mereka perlu melalui proses *taʿyīn* sebelum kesan sebenar terhadap sanad dapat dirumuskan. Penelitian terhadap *ṭabaqah* juga membantu menghadkan calon identiti berdasarkan kesesuaian zaman, hubungan antara guru dan murid, serta kemungkinan pertemuan antara perawi.

Dengan demikian, pembahagian *ṭabaqāt* perawi *mubham* dalam *Abwāb al-Sunnah* bukan sekadar pengelasan statistik. Sebaliknya, ia berfungsi sebagai salah satu instrumen metodologi dalam proses pengenalpastian perawi. *Ṭabaqah* membantu menentukan kedudukan generasi, mengecilkan kemungkinan identiti dan membezakan kesan *ibhām* terhadap sesuatu sanad. Oleh itu, analisis perawi *mubham* perlu dilakukan dengan menggabungkan bentuk lafaz, kedudukan *ṭabaqah* dan *qarāʿin* lain sebelum keputusan mengenai identiti dan status sesuatu riwayat ditentukan.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa perawi *mubham* tidak boleh dinilai hanya berdasarkan ketiadaan nama dalam sanad. *Ibhām* mempunyai pelbagai bentuk terdiri daripada lafaz umum seperti *rajul* atau sandaran nasab seperti *ʿan abīhi*, *ʿan jaddihi* dan *ḥaddathanī abī*. Oleh itu, perawi *mubham* perlu dibezakan daripada perawi *majhūl* dan *muhmal*. Selain itu, perawi *mubham* tidak boleh dianggap *ḍaʿīf* sebelum proses *taʿyīn* dilakukan. Dalam *Abwāb al-Sunnah Sunan Ibn Mājah*, kajian mengenal pasti 64 kemunculan lafaz *mubham* dalam 51 buah hadith daripada 267 riwayat. Kebanyakan lafaz tersebut berbentuk sandaran nasab kepada bapa dan datuk yang menyediakan *qarīnah* awal untuk mengenal pasti identiti perawi.

Secara keseluruhannya, penelitian perawi *mubham* perlu mengambil kira bentuk lafaz, kaedah periwayatan, hubungan nasab, kedudukan *ṭabaqah* dan kekuatan *qarāʿin*. *Ibhām* pada kedudukan sahabat tidak menjejaskan

‘adālah perawi setelah kedudukannya sebagai sahabat dibuktikan. Berbeza dengan kedudukan perawi selepas generasi sahabat yang memerlukan proses *ta’yīn* bagi membolehkan penilaian terhadap *‘adālah* dan *dabt* dilaksanakan secara sempurna. Justeru, pengenaltastian perawi *mubham* merupakan proses sistematik yang melibatkan perbandingan jalur periwayatan, hubungan guru dan murid, nasab, kronologi periwayatan dan sumber *rijāl*. Dapatan ini menjadi asas kepada penentuan identiti perawi dan penelitian kesannya terhadap penilaian akhir sesebuah hadith.

Rujukan

- Al-Baghdādī, A. B. A. (1938). *Al-Kifāyah fī ‘ilm al-riwāyah* (Abū ‘Abd Allāh al-Sūraqī & Ibrāhīm Ḥamdī al-Madanī, Eds.; 1st ed.). Jam‘iyyah Dā‘irat al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah.
- Al-Baghdādī, A. B. A. (1997). *Al-Asmā’ al-mubhamah fī al-anbā’ al-muḥkamah* (‘Izz al-Dīn ‘Alī al-Sayyid, Ed.; 3rd ed.). Maktabat al-Khānjī.
- Al-Bukhārī, M. I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir, Ed.). Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-‘Irāqī, ‘A. R. Ḥ. (1969). *Al-Taḥyīd wa al-īdāḥ sharḥ Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ* (‘Abd al-Raḥmān Muḥammad ‘Uthmān, Ed.; 1st ed.). Muḥammad ‘Abd al-Muḥsin al-Kutubī.
- Al-Mizzī, J. D. Y. (1980). *Tahdhīb al-kamāl fī asmā’ al-rijāl* (Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, Ed.). Mu‘assasat al-Risālah.
- Al-Sakhāwī, M. ‘A. R. (2003). *Faṭḥ al-mughīth bi sharḥ Alfīyyat al-ḥadīth li al-‘Irāqī* (‘Alī Ḥusayn ‘Alī, Ed.). Maktabat al-Sunnah.
- Al-Suyūṭī, ‘A. R. (n.d.). *Tadrīb al-rāwī fī sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Abū Qutaybah Naṣar Muḥammad al-Fāryābī, Ed.). Dār Ṭaybah.
- Al-Ṭaḥḥān, M. (2004). *Taysīr muṣṭalaḥ al-ḥadīth* (10th ed.). Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

- Al-‘Umrī, M. ‘A. Q. (2000). *Dirāsāt fī manhaj al-naqd ‘inda al-muḥaddithīn*. Dār al-Nafā’is.
- Al-‘Uqlā, ‘Ā. F. ‘A. (2021). Itlāq al-mursal ‘alā al-mubham ‘inda al-Bukhārī fī *al-Tārīkh al-Kabīr*. *Majallat Kulīyyat al-Banāt al-Islāmiyyah bi Asyūt*, 21, 773-770.
- Dzulraidi, D. H., Ayub, D. H., & Amat Tamsir, M. T. (2024). Konsep *qarā’in al-tarjīh* dalam menyelesaikan isu perawi *muhmal*: Kajian terhadap *Muqarrar al-Takhrīj* karya Ḥātim al-‘Awnī. *HADIS*, 14(28), 125–133.
- Ibn al-Ṣalāh, ‘U. ‘A. R. (1986). *Ma‘rifat anwā’ ‘ulūm al-ḥadīth* (Nūr al-Dīn ‘Itr, Ed.). Dār al-Fikr & Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir.
- Ibn Bashkuwāl, K. ‘A. M. (1997). *Ghawāmiḍ al-asmā’ al-mubhamah* (‘Izz al-Dīn ‘Alī al-Sayyid & Muḥammad Kamāl al-Dīn ‘Izz al-Dīn, Eds.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Fāris, A. F. Z. (1969). *Mu‘jam maqāyīs al-lughah* (‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn, Ed.). Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Ḥajar, A. ‘A. (1959). *Fath al-Bārī bi sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Ḥajar, A. ‘A. (1994). *Al-Iṣābah fī tamyīz al-ṣaḥābah* (‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd & ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad, Eds.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar, A. ‘A. (2000). *Nuzḥah al-naẓar fī tawḍīḥ Nukhbah al-fīkar* (Nūr al-Dīn ‘Itr, Ed.). Maṭba‘at al-Ṣabāḥ.
- Ibn Kathīr, I. ‘U. (n.d.). *Al-Bā‘ith al-ḥathīth sharḥ Ikhtisār ‘ulūm al-ḥadīth* (Aḥmad Muḥammad Shākir, Ed.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Mājah, M. Y. Q. (2009). *Sunan Ibn Mājah* (Shu‘ayb al-Arnā’ūt, ‘Ādil Murshid, Muḥammad Kāmil Qaraballī, & ‘Abd al-Laṭīf Ḥirz Allāh, Eds.). Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.

Nukhbah min al-Lughawiyyīn. (1972). *Al-Muʿjam al-wasīṭ* (2nd ed.).
Majmaʿ al-Lughah al-ʿArabiyyah bi al-Qāhirah.